

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN PASCASISWAZAH) 2026

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

SYARAT PENERIMAAN MASUK

3. Syarat penerimaan masuk program sarjana
4. Syarat penerimaan masuk program kedoktoran
5. Syarat mengikuti dua program pascasiswazah
6. Syarat kompetensi Bahasa Inggeris
7. Pelajar Tanpa Ijazah

BAHAGIAN III

PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN

8. Permohonan
9. Pendaftaran Pelajar baharu
10. Penangguhan pendaftaran masuk Pelajar baharu
11. Pendaftaran Pelajar sedia ada
12. Penangguhan pengajian Pelajar sedia ada
13. Penangguhan khas pengajian
14. Menarik diri daripada pengajian

15. Pendaftaran bagi Pelajar sedia ada yang telah menyerahkan disertasi atau tesis dan yang masih belum melengkapkan keperluan program
16. Bayaran

BAHAGIAN IV

PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

17. Penilaian bagi program sarjana
18. Penilaian bagi program kedoktoran
19. Penilaian bagi tujuan penukaran daripada program sarjana ke program kedoktoran
20. Penilaian kemajuan penyelidikan
21. Keputusan peperiksaan lisan
22. Pemeriksa Luar
23. Pemeriksa Dalam
24. Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah
25. Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi atau Tesis
26. Penilaian kursus
27. Penangguhan penilaian akhir
28. Penilaian akhir gantian
29. Peperiksaan semula
30. Peperiksaan ulangan khas
31. Peperiksaan komprehensif

BAHAGIAN V

RAYUAN

32. Rayuan semakan semula keputusan penilaian akhir kursus
33. Rayuan semakan semula keputusan peperiksaan lisan disertasi atau tesis
34. Rayuan untuk meneruskan semula pengajian setelah “Gagal dan diberhentikan”
35. Rayuan untuk meneruskan semula pengajian setelah “Diberhentikan sebab Tidak Mendaftar”

BAHAGIAN VI
SYARAT PENGIJAZAHAN

- 36. Syarat keperluan Bahasa Melayu
- 37. Syarat pengurniaan ijazah

BAHAGIAN VII

AM

- 38. Pengantungan dan pemberhentian Pelajar
- 39. Kecualian dan peralihan

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN PASCASISWAZAH) 2026

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 [*P.U.(A)446*], Lembaga Pengarah Universiti dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Pascasiswazah) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Lembaga boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

(3) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua Pelajar yang mendaftar suatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran.

Tafsiran

2. Dalam kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“APEL.A” ertinya Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi tujuan Akses atau kemasukan ke program pengajian di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia;

“APEL.C” ertinya Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi tujuan penganugerahan kredit;

“APEL.Q” ertinya Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu

bagi tujuan penganugerahan kelayakan;

“bayaran” ertinya apa-apa yuran dan pembayaran lain yang dikenakan oleh Universiti kepada Pelajar bagi suatu program;

“CEFR” ertinya *The Common European Framework of Reference for Languages*;

“Dekan Fakulti” ertinya Dekan Fakulti dan termasuk mana-mana Pengarah atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademik dan Institut yang dilantik di bawah subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan;

“disertasi” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh Pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) Peraturan;

“Fakulti” ertinya mana-mana Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) Perlembagaan;

“IELTS” ertinya *International English Language Testing System*;

“Ijazah Berganda” ertinya dua program pengajian daripada bidang yang berbeza yang melibatkan kerjasama oleh institusi yang sama atau dua institusi penganugerahan ijazah yang setanding dan membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi-institusi yang terlibat;

“Ijazah Dual” ertinya dua program pengajian daripada bidang yang sama atau hampir sama yang melibatkan kerjasama oleh dua institusi penganugerahan ijazah yang setanding dan membawa kepada penganugerahan dua skrol oleh institusi-institusi yang terlibat;

“Ijazah Kedoktoran” ertinya suatu pengijazahan yang diberikan oleh Universiti kepada seorang Pelajar yang telah memenuhi syarat program Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Klinikal, Ijazah Doktor Kesihatan Masyarakat, Ijazah Doktor Pentadbiran Perniagaan, Ijazah Kedoktoran Pakar atau Ijazah Kedoktoran lain yang setara dengannya;

“Ijazah Sarjana” ertinya pengijazahan yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang Pelajar yang telah memenuhi syarat program Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Klinikal, Ijazah Doktor Pakar, Ijazah Sarjana Klinikal Lanjutan atau Ijazah Sarjana lain yang setara dengannya;

“Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah kaedah 24;

“Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah” ertinya suatu jawatankuasa atau mana-mana kumpulan orang yang ditugaskan untuk menguruskan hal ehwal pengajian pascasiswazah Fakulti yang terdiri daripada Dekan Fakulti atau wakilnya, selaku Pengerusi, Pengerusi Pusat atau Ketua Jabatan Pengajian dan Ketua Program Pascasiswazah (jika berkenaan) dan mana-mana anggota yang ditetapkan oleh Dekan Fakulti;

“Jawatankuasa Penyeliaan” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“Jawatankuasa Peperiksaan Lisan” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“kakitangan akademik” ertinya mana-mana orang yang dilantik sebagai tenaga pengajar di Universiti termasuk tetapi tidak terhad kepada profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi, dan tutor;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia;

“Ketua Program” ertinya seorang staf akademik yang dilantik oleh Universiti bagi menyelaraskan sesuatu program;

“kredit” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“kursus” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“laluan industri” ertinya penyelidikan berasaskan industri bagi Pelajar Ijazah Kedoktoran mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan yang mana rakan industri boleh terlibat dalam menentukan objek atau bidang kajian yang lazimnya bersifat aplikasi;

“Laporan Kemajuan Calon” ertinya penilaian yang diberikan oleh Penyelia pelajar pascasiswazah untuk menilai prestasi dan kemajuan Pelajar bagi mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) Peraturan pada setiap semester sepanjang tempoh pengajian;

“MUET” ertinya *Malaysian University English Test* yang ditawarkan Majlis Peperiksaan Malaysia;

“ODL” ertinya *Open and Distance Learning* berhubung dengan laluan pendidikan yang bersifat fleksibel dari sudut akses, masa dan tempat serta melibatkan penggunaan sistem penyampaian dan sumber pembelajaran yang pelbagai;

“Panel Pemeriksa Semakan Rayuan Keputusan Peperiksaan Lisan Disertasi atau Tesis” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subkaedah 33;

“Pelajar” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“Pelajar Tanpa Ijazah” ertinya—

- (a) calon yang mengikuti kursus prasyarat di Universiti sebelum ditawarkan tempat sebagai Pelajar program sarjana atau kedoktoran bagi memenuhi syarat kemasukan program pengajian; atau
- (b) mana-mana individu yang mendaftar dengan Universiti sebagai pelajar bagi mengikuti satu atau sebahagian kursus daripada program sarjana atau kedoktoran di Universiti tetapi tidak membawa kepada pengurniaan apa-apa Ijazah;

“Pemeriksa Dalam” ertinya kakitangan akademik yang dilantik oleh Dekan Fakulti untuk menilai tesis atau disertasi pencapaian hasil penyelidikan Pelajar;

“Pemeriksa Luar” ertinya kakitangan akademik atau pakar bidang dari luar Universiti yang dilantik oleh Senat atau mana-mana orang yang diwakilkan kuasa oleh Senat untuk menilai pencapaian hasil penyelidikan Pelajar;

“pemohon” ertinya calon yang memohon untuk mengikuti mana-mana program pengajian pascasiswazah yang ditawarkan oleh Universiti;

“PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif;

“penilaian akhir” ertinya apa-apa bentuk penaksiran pembelajaran dan pencapaian Pelajar selepas proses pengajaran dan pembelajaran termasuk peperiksaan akhir, pembentangan akhir atau laporan akhir yang dibuat dalam tempoh minggu peperiksaan ke atas mana-mana Pelajar;

“penilaian berterusan” ertinya apa-apa bentuk penaksiran pembelajaran dan pencapaian

Pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran termasuk kuiz, ujian, laporan tugas, esei atau pembentangan yang dibuat dalam tempoh minggu berkuliah atau sesi pembelajaran ke atas mana-mana Pelajar;

“Penyelia” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“Penyelia Utama” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“Penyelia Bersama” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“penyiaran keputusan rasmi” ertinya keputusan peperiksaan yang diberikan kepada Pelajar melalui apa-apa kaedah penyampaian yang ditetapkan oleh Senat;

“peperiksaan lisan” ertinya peperiksaan secara lisan untuk Pelajar mempertahankan hasil kajian disertasi atau tesis secara bersemuka di hadapan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan kecuali dalam apa-apa keadaan khas, Dekan Fakulti boleh menentukan pelaksanaan secara hibrid dengan menyediakan keperluan telesidang bagi kelancaran peperiksaan lisan;

“Peraturan” ertinya Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Pascasiswazah) 2026;

“program” ertinya program pengajian Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran yang ditawarkan oleh Universiti dalam bidang pengkhususan tertentu;

“program konvensional” ertinya program yang mana penyampaiannya menekankan struktur jadual, kehadiran bersemuka dan kurikulum standard yang ditentukan oleh Universiti;

“PTj Pengurus Akademik” ertinya entiti yang menguruskan hal ehwal akademik bagi program pengajian pascasiswazah;

“saudara”, berhubung dengan seseorang, ertinya—

- (a) suami atau isteri orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan

orang itu;

- (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- (g) anak orang itu termasuk anak angkat *de facto* sebagaimana yang diperuntukan dibawah Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257] dan anak pelihara;
- (h) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- (i) menantu orang itu;

“semester” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“Senat” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010;

“tesis” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan;

“TOEFL” ertinya *Test of English as a Foreign Language*; dan

“Universiti” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Peraturan.

BAHAGIAN II

SYARAT PENERIMAAN MASUK

Syarat penerimaan masuk program sarjana

3. (1) Mana-mana orang yang ingin memohon untuk mengikuti program sarjana hendaklah mempunyai kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Ijazah sarjana muda dengan memperoleh PNGK yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa sama ada dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh—
 - (i) Agensi Kelayakan Malaysia;

- (ii) akreditasi yang diiktiraf oleh badan akreditasi luar negara; atau
- (iii) institusi yang mempunyai akreditasi seperti mana yang ditetapkan oleh sesuatu program;
- (b) Ijazah Doktor Perubatan atau Doktor Pergigian dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi atau ijazah yang setaraf dengannya dari mana-mana institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (c) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu termasuklah sijil APEL.A untuk Kerangka Kelayakan Malaysia Tahap 7 yang masih dalam tempoh sah laku atau kemasukan secara laluan APEL.Q yang memenuhi syarat kemasukan ke program di peringkat Kerangka Kelayakan Malaysia Tahap 7; dan
- (d) memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia; dan
- (e) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh program dan diluluskan oleh Senat.

(2) Mana-mana pemohon yang telah ditolak permohonannya boleh membuat permohonan rayuan pertimbangan semula kemasukan ke program sarjana kepada Dekan Fakulti dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan rasmi penolakan dimaklumkan kepada pemohon.

Syarat penerimaan masuk program kedoktoran

4. (1) Mana-mana orang yang ingin memohon untuk mengikuti program kedoktoran hendaklah mempunyai kelayakan seperti yang berikut:

- (a) Ijazah Sarjana dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh—
 - (i) Agensi Kelayakan Malaysia;
 - (ii) akreditasi yang diiktiraf oleh badan akreditasi luar negara; atau

- (iii) institusi yang mempunyai akreditasi seperti mana yang ditetapkan oleh sesuatu program;
- (b) kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana atau mempunyai kelayakan lain dengan pengalaman yang diiktiraf oleh Senat;
- (c) Pelajar di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan yang sedang mengikuti program sarjana di Universiti dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Pascasiswazah untuk menukar status kepada program kedoktoran dengan kelulusan Dekan Fakulti;
- (d) ijazah sarjana muda dengan memperoleh keputusan kelas pertama (PNGK 3.67 ke atas) atau setara dengannya daripada program akademik atau program *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi tertakluk kepada ketetapan Dekan Fakulti dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau mempunyai akreditasi yang diiktiraf oleh badan akreditasi luar negara; atau
- (e) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat yang diperoleh melalui akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu termasuklah sijil APEL.A untuk Kerangka Kelayakan Malaysia Tahap 8 yang masih dalam tempoh sah laku atau kemasukan secara laluan APEL.Q yang memenuhi syarat kemasukan ke program di peringkat Kerangka Kelayakan Malaysia Tahap 8; dan
- (f) memenuhi syarat Agensi Kelayakan Malaysia; dan
- (g) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Senat.

(2) Mana-mana pemohon yang telah ditolak permohonannya boleh membuat permohonan rayuan pertimbangan semula kemasukan ke program kedoktoran kepada Dekan Fakulti dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan rasmi penolakan dimaklumkan kepada pemohon.

Syarat mengikuti dua program pascasiswazah

5. (1) Pelajar tidak dibenarkan mendaftar dan mengikuti dua program konvensional di Universiti dalam satu masa pengajian yang sama kecuali Ijazah Dual dan Ijazah Berganda.

(2) Walau apa pun, Pelajar warganegara boleh mendaftar gabungan satu program konvensional dan satu program selain konvensional seperti ODL dan APEL.Q tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti yang terlibat.

(3) Tertakluk kepada subkaedah (2), Dekan Fakulti hendaklah membuat pertimbangan keupayaan Pelajar yang ingin mendaftar dan mengikuti dua program pengajian pascasiswazah dalam satu masa pengajian yang masa.

(4) Pelajar yang didapati melanggar subkaedah (1) Dekan boleh mengarahkan pelajar menarik diri daripada salah satu program yang didaftarkan.

Syarat kompetensi Bahasa Inggeris

6. (1) Pelajar antarabangsa hendaklah memenuhi syarat kemasukan kompetensi Bahasa Inggeris dengan mendapat keputusan IELTS, TOEFL atau MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada CEFR yang memenuhi syarat skor atau tahap minimum yang ditetapkan oleh program masing-masing dan diluluskan oleh Senat.

(2) Pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris boleh diberikan tawaran bersyarat dan hendaklah—

(a) mengikuti kursus persediaan Bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh Universiti dengan had tempoh maksimum dua tahun dan tertakluk kepada apa-apa undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia; dan

(b) lulus peperiksaan IELTS atau TOEFL atau MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada CEFR sebagaimana yang ditetapkan Universiti dari semasa ke semasa.

(3) Apa-apa peperiksaan yang telah diwajibkan kepada CEFR adalah tertakluk kepada kelulusan Senat dari semasa ke semasa.

(4) Walau apa pun subkaedah (1) dan (2), Dekan Fakulti boleh memberi pengecualian kepada Pelajar antarabangsa—

- (a) yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi;
- (b) yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Malaysia; atau
- (c) yang mempunyai kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat.

Pelajar Tanpa Ijazah

7. Dekan Fakulti boleh menetapkan apa-apa syarat dan menerima masuk mana-mana pelajar sebagai Pelajar Tanpa Ijazah.

BAHAGIAN III

PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN

Permohonan

8. (1) Setiap permohonan hendaklah melalui apa-apa cara yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

(2) Jawatankuasa Pengajian Siswazah atau panel pemilih yang dilantik Dekan Fakulti hendaklah menilai dan memilih setiap permohonan.

(3) Mana-mana Pelajar yang gagal dalam mana-mana pengajian dalam Universiti boleh memohon program—

- (a) dalam mod pengajian yang sama tetapi hendaklah mengambil pengkhususan yang berbeza; atau
- (b) dalam mod pengajian yang berbeza dengan pengkhususan yang sama.

Pendaftaran Pelajar baharu

9. (1) Pemohon yang diterima masuk hendaklah mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Pemohon tidak dibenarkan mendaftar selepas empat minggu semester bermula

kecuali bagi calon dengan mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan dan laluan APEL. Q.

(3) Walau apa pun subkaedah (1) dan (2), pemohon boleh memohon penangguhan pendaftaran.

Penangguhan pendaftaran masuk Pelajar baharu

10. (1) Pemohon yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar boleh memohon penangguhan pendaftaran masuk dalam tempoh satu semester dan tidak melebihi dua semester dari tarikh surat tawaran.

(2) Bagi pemohon program ODL di bawah perenggan 3(1)(c), 3(2)(a) dan 3(2)(b) Peraturan yang telah diterima masuk tapi belum mendaftar boleh memohon penangguhan pendaftaran masuk dalam tempoh satu semester dan tidak melebihi tiga semester dari tarikh surat tawaran.

(3) Pemohon yang gagal memohon penangguhan pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (1), adalah dianggap menolak tawaran dan tawaran pengajian Pelajar akan dibatalkan.

(4) Apa-apa permohonan penangguhan pendaftaran hendaklah dibuat secara bertulis kepada PTj Pengurus Akademik.

(5) PTj Pengurus Akademik boleh menimbangkan permohonan penangguhan pendaftaran dan Pelajar boleh diberikan penangguhan pendaftaran untuk tempoh satu semester dan tidak melebihi dua semester.

Pendaftaran Pelajar sedia ada

11. (1) Pelajar sedia ada hendaklah mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester bermula.

(2) Pelajar sedia ada yang tidak mendaftar mana-mana kursus atau disertasi atau tesis dalam tempoh empat minggu selepas semester bermula tanpa mendapatkan kebenaran penangguhan pengajian secara bertulis daripada Dekan Fakulti akan diberikan status “Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar”.

Penangguhan pengajian Pelajar sedia ada

12. (1) Pelajar sedia ada boleh memohon untuk menangguhkan pengajian berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa dan tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian yang ditetapkan dalam peraturan 4 dan 5 Peraturan.

(2) Pelajar boleh membuat permohonan penangguhan pengajian dengan syarat—

- (a) terhad kepada satu semester bagi setiap permohonan;
- (b) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti; dan
- (c) tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti.

(3) Penangguhan pengajian boleh dibenarkan untuk tempoh minimum satu semester dan tidak melebihi empat semester sepanjang tempoh pengajian kecuali atas faktor kesihatan.

(4) Bagi Pelajar yang mengikuti program ODL di bawah perenggan 3(1)(c), 3(2)(a) dan 3(2)(b) Peraturan, Dekan Fakulti boleh memberikan penangguhan pengajian untuk tempoh minimum satu semester dan tidak melebihi enam semester sepanjang tempoh pengajian kecuali atas faktor kesihatan.

(5) Bagi permohonan penangguhan atas faktor kesihatan, Pelajar hendaklah menyerahkan kepada Dekan Fakulti—

- (a) perakuan daripada pegawai perubatan Kerajaan atau Universiti, pegawai perubatan klinik panel Universiti, ahli psikologi klinikal, kaunselor bertaualiah Kerajaan atau Universiti;
- (b) perakuan oleh pegawai perubatan hospital atau klinik swasta boleh dipertimbangkan oleh Dekan Fakulti dalam kes-kes tertentu sekiranya Pelajar telah menjalani rawatan dengan pegawai perubatan, ahli psikologi klinikal atau kaunselor bertaualiah berkenaan terlebih dahulu. Sekiranya terdapat keraguan ke atas perakuan yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan hospital atau klinik swasta, Pelajar hendaklah mendapatkan pengesahan daripada pegawai perubatan Kerajaan atau Universiti, ahli psikologi klinikal atau kaunselor bertaualiah Kerajaan

atau Universiti; atau

- (c) dalam kes kesihatan mental, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan oleh pihak di bawah perenggan (a) dan (b) yang mengesahkan bahawa Pelajar boleh meneruskan pengajian.

(6) Walau apa pun tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (3) dan (4), Pelajar boleh memohon tambahan satu semester untuk penangguhan pengajian tertakluk kepada kelulusan Senat.

(7) Penangguhan pengajian bagi Pelajar yang mengikuti program sarjana dengan mod pengajian di bawah perenggan 3(2)(c) dan program kedoktoran pakar di Fakulti Pergigian di bawah perenggan 3(1)(c) dan 3 (2)(c) adalah minimum satu semester dan tidak melebihi dua semester sepanjang tempoh pengajian.

(8) Mana-mana Pelajar yang telah menyerahkan disertasi atau tesis untuk peperiksaan lisan tidak boleh membuat permohonan penangguhan pengajian.

(9) Mana-mana Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan Universiti.

(10) Mana-mana Pelajar yang belum mendaftar pada semester berkenaan, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti selewat-lewatnya empat minggu daripada tarikh semester atau sesi bermula.

(11) Bagi Pelajar yang telah mendaftar, Dekan Fakulti boleh memberi kelulusan penangguhan pengajian selepas tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (10) dan permohonan penangguhan pengajian hendaklah dibuat sebelum minggu penilaian akhir semester bermula.

(12) Pelajar yang tidak memohon penangguhan atau gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (10) boleh diberhentikan daripada pengajian dan subkaedah 11(2) dan kaedah 35 adalah terpakai secara bersama.

(13) Pelajar antarabangsa yang menangguh pengajian hendaklah membatalkan pas pelajar berdasarkan undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia.

Penangguhan khas pengajian

13. (1) Walau apa pun kaedah 10 dan 12, Pelajar boleh memohon untuk penangguhan khas pengajian atas sebab—

- (a) telah disekat masuk ke Malaysia oleh Kerajaan;
- (b) telah disekat keluar dari negara asal akibat peperangan atau wabak penyakit; atau
- (c) bencana atau krisis luar jangka dan luar kawalan.

(2) Semua permohonan untuk penangguhan khas pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat minggu daripada tarikh semester bermula beserta bukti bagi memenuhi subkaedah 12(1) tertakluk maksimum dua semester sepanjang tempoh pengajian.

(3) Walau apa pun subkaedah (1) dan (2), Senat boleh memberikan kelulusan penangguhan khas pengajian kepada mana-mana Pelajar sekiranya melibatkan dasar dan arahan semasa Kerajaan Malaysia.

Menarik diri daripada pengajian

14. (1) Pelajar boleh memohon untuk menarik diri daripada pengajian tertakluk kepada permohonan hendaklah dibuat—

- (a) secara bertulis kepada Dekan Fakulti; dan
- (b) sebelum minggu penilaian akhir semester bermula.

(2) Pelajar yang menarik diri daripada pengajian tidak dibenarkan membuat rayuan untuk meneruskan semula pengajian akan tetapi Pelajar dibenarkan untuk membuat permohonan baharu ke program pengajian di Universiti.

Pendaftaran bagi Pelajar sedia ada yang telah menyerahkan disertasi atau tesis dan yang masih belum melengkapkan keperluan program

15. (1) Pelajar sedia ada di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) Peraturan yang telah menyerahkan disertasi atau tesis untuk pemeriksaan hendaklah terus mendaftar bagi semester seterusnya dan diberi status “Penyerahan Tesis Untuk Pemeriksaan” sehingga peperiksaan lisan disertasi atau tesisnya selesai atau sehingga lain-lain keperluan program dilengkapkan

tanpa dikenakan yuran pengajian.

(2) Bagi tujuan pengecualian yuran mengikut subkaedah (1), disertasi atau tesis hendaklah diserahkan selewat-lewatnya sebelum semester berakhir atau apa-apa tarikh yang ditetapkan oleh Senat.

(3) Pelajar sedia ada di bawah perenggan 3(2)(a) dan 3(2)(b) Peraturan yang telah melengkapkan keperluan kerja kursus tetapi belum melengkapkan keperluan pengurniaan ijazah yang ditetapkan hendaklah terus mendaftar tanpa dikenakan yuran pengajian tertakluk kepada tempoh pengajian yang ditetapkan di bawah peraturan 4 dan 5 Peraturan.

Bayaran

16. (1) Pelajar hendaklah menjelaskan semua bayaran kepada Universiti pada awal setiap semester sepanjang tempoh pengajian.

(2) Pelajar yang gagal menjelaskan apa-apa bayaran di bawah subkaedah (1) boleh—

- (a) disekat keputusan peperiksaannya;
- (b) tidak dibenarkan mendaftar untuk semester atau sesi berikutnya; dan
- (c) apa-apa ketetapan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN IV

PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

Penilaian bagi program sarjana

17. (1) Pelajar di bawah mod pengajian perenggan 3(1)(a) Peraturan akan dinilai—

- (a) melalui satu disertasi yang akan diperiksa oleh dua orang pemeriksa yang terdiri daripada seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar atau mengikut keperluan standard program; dan
- (b) setelah disertasi disemak dan diperakukan layak oleh pemeriksa, Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan lisan tertakluk kepada Pelajar memenuhi keperluan seperti peraturan 23 dan 24 Peraturan.

(2) Pelajar di bawah mod pengajian perenggan 3(2)(a) dan 3(2)(b) Peraturan akan dinilai melalui—

- (a) penilaian akhir, penilaian berterusan atau peperiksaan komprehensif mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester; dan
- (b) satu laporan projek sarjana yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa termasuk seorang Penyelia yang dilantik oleh Dekan Fakulti.

(3) Pelajar di bawah mod pengajian perenggan 3(2)(c) Peraturan akan dinilai melalui—

- (a) penilaian akhir, penilaian berterusan, laporan bertulis, Peperiksaan komprehensif, peperiksaan lisan, penilaian klinikal atau praktikum yang berhubungan dengan kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester;
- (b) satu disertasi atau laporan projek sarjana yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa termasuk seorang Penyelia yang dilantik oleh Dekan Fakulti; dan
- (c) peperiksaan lisan bagi mempertahankan disertasi atau laporan projek sarjana di hadapan jawatankuasa yang ditetapkan oleh Dekan Fakulti dari semasa ke semasa.

(4) Pelajar di bawah mod pengajian perenggan 3(1)(c) Peraturan akan dinilai melalui—

- (a) penilaian akhir, penilaian berterusan atau Peperiksaan komprehensif mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester;
- (b) satu disertasi yang akan diperiksa oleh dua orang Pemeriksa, dengan sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam; dan
- (c) setelah disertasi disemak dan diperakukan layak oleh pemeriksa, Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan lisan.

Penilaian bagi program kedoktoran

18. (1) Pelajar di bawah mod pengajian perenggan 3(1)(a) Peraturan akan dinilai melalui—

- (a) satu tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa yang terdiri daripada Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar atau mengikut keperluan standard program; dan
- (b) setelah tesis disemak dan diperakukan layak oleh pemeriksa, Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan lisan tertakluk kepada Pelajar memenuhi keperluan seperti peraturan 23 dan 24 Peraturan.

(2) Pelajar di bawah mod pengajian perenggan 3(1)(a) Peraturan secara laluan industri akan dinilai melalui—

- (a) satu tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan sekurang-kurangnya dua orang Pemeriksa Luar yang salah seorangnya hendaklah dari industri; dan
- (b) setelah tesis disemak dan diperakukan layak oleh pemeriksa, Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan lisan tertakluk kepada Pelajar memenuhi keperluan seperti peraturan 23 dan 24 Peraturan.

(3) Pelajar di bawah mod pengajian perenggan 3(1)(c) dan perenggan 3(2)(c) Peraturan akan dinilai melalui—

- (a) penilaian akhir dan penilaian berterusan atau apa-apa ketetapan Senat dari semasa ke semasa mengenai kerja kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester;
- (b) satu tesis yang akan diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa yang terdiri daripada seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar atau mengikut keperluan standard program; dan
- (c) setelah tesis disemak dan diperakukan layak oleh pemeriksa, Pelajar hendaklah menduduki peperiksaan lisan.

Penilaian bagi tujuan penukaran daripada program sarjana ke program kedoktoran

19. (1) Pelajar yang mengikuti program sarjana dengan mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan boleh memohon penukaran dari program sarjana ke program kedoktoran secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan syarat—

(a) disertakan bersama perakuan Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan; dan

(b) dalam tempoh selewat-lewatnya dalam semester kedua untuk Pelajar sepenuh masa dan semester keempat untuk Pelajar separuh masa.

(2) Bagi tujuan menilai permohonan Pelajar untuk penukaran daripada program sarjana ke program kedoktoran, suatu jawatankuasa penilai hendaklah ditubuhkan.

(3) Keanggotaan jawatankuasa penilai hendaklah terdiri daripada—

(a) Dekan Fakulti atau wakilnya sebagai pengerusi;

(b) Ketua Jabatan atau Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya;

(c) tiga orang kakitangan akademik dalam bidang berkaitan yang terdiri daripada Profesor atau Profesor Madya;

(d) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan; dan

(e) seorang setiausaha.

(4) Jawatankuasa penilai bertanggungjawab seperti yang berikut:

(a) Menilai cadangan penyelidikan dan pencapaian Pelajar dalam sesi pembentangan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Fakulti dan sekiranya Pelajar layak, jawatankuasa boleh memperakukan permohonan penukaran daripada program sarjana kepada program kedoktoran;

(b) Memaklumkan secara bertulis tentang kelulusan penukaran program pengajian Pelajar kepada PTj Pengurus Akademik sebelum tamat semester ketiga bagi Pelajar sepenuh masa dan semester kelima bagi Pelajar separuh masa; dan,

- (c) Menetapkan tempoh pengajian bagi Pelajar yang membuat pertukaran dari program sarjana kepada program kedoktoran dikira dari tarikh pendaftaran program sarjana.
- (5) Keputusan jawatankuasa adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

Penilaian kemajuan penyelidikan

20. (1) Status meneruskan pengajian bagi Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) Peraturan adalah tertakluk kepada keputusan penilaian kemajuan penyelidikan yang diberikan oleh penyelia pada setiap semester.

(2) Penyelia dengan perakuan daripada Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah boleh memberikan status “Gagal dan Diberhentikan” kepada Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) Peraturan sekiranya Pelajar telah memperoleh Laporan Kemajuan Calon berstatus—

- (a) “dengan Ingatan” sebanyak empat kali sepanjang tempoh pengajian;
- (b) “dengan Amaran” sebanyak dua kali sepanjang tempoh pengajian;
- (c) gabungan dua “dengan Ingatan” dan satu “dengan Amaran” sepanjang tempoh pengajian; atau
- (d) “Gagal dan Diberhentikan” pada mana-mana semester.

Keputusan peperiksaan lisan

21. (1) Walau apa pun subkaedah 17(1) dan 18(1), Pelajar tertakluk kepada tempoh maksimum pembetulan disertasi atau tesis yang diperakukan oleh Jawatankuasa peperiksaan lisan.

(2) Jawatankuasa Peperiksaan Lisan boleh memberikan tempoh pembetulan kali pertama adalah satu hingga tempoh maksimum dua belas bulan, dan tempoh maksimum pembetulan kali kedua selepas peperiksaan lisan ulangan adalah tiga bulan.

(3) Tertakluk kepada subkaedah (2) dan terhad kepada satu kali permohonan, Pelajar boleh memohon tambahan masa pembetulan secara bertulis kepada Dekan Fakulti

sebelum tempoh maksimum pembetulan kali pertama tamat.

(4) Dekan Fakulti boleh meluluskan tempoh tambahan masa tidak melebihi tiga bulan daripada tempoh asal pembetulan kali pertama.

(5) Pelajar yang diberi tempoh maksimum pembetulan dua belas bulan bagi pemeriksaan kali pertama hendaklah menyerahkan disertasi atau tesis yang telah dibetulkan kepada Pemeriksa dan menduduki peperiksaan lisan ulangan.

(6) Tertakluk kepada subkaedah (5), Jawatankuasa Peperiksaan Lisan boleh memberi Pelajar tempoh pembetulan maksimum tiga bulan selepas peperiksaan lisan ulangan.

(7) Walau apa pun, Jawatankuasa Peperiksaan Lisan boleh memperaku mana-mana Pelajar program kedoktoran untuk dipertimbangkan bagi penganugerahan Ijazah Sarjana sebagai kelayakan keluar fleksibel, tertakluk kepada kelulusan Senat dan diberikan tempoh pembetulan tertakluk kepada subkaedah 21(2) dan 21(3).

(8) Walau apa pun subkaedah 15(1) dan tertakluk kepada subkaedah 21(5), Pelajar hendaklah membuat pendaftaran dan bayaran pemeriksaan semula tesis.

(9) Jawatankuasa Peperiksaan Lisan hendaklah memperaku mana-mana Pelajar yang gagal menyerahkan disertasi atau tesis selepas tempoh pembetulan maksimum termasuk tempoh tambahan sebagai “Gagal dan Tidak Layak Dianugerahkan Ijazah” kepada Senat untuk sebarang keputusan atau kelulusan.

Pemeriksa Luar

22. (1) Pemeriksa Luar bagi Pelajar program sarjana mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik yang dilantik oleh Dekan Fakulti dengan syarat—

- (a) memiliki Ijazah Kedoktoran;
- (b) mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan yang berkaitan bermula pada tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran;
- (c) telah menghasilkan sekurang-kurangnya seorang graduan sarjana;

- (d) mempunyai kelayakan akademik yang setara dan tidak lebih rendah daripada Penyelia Pelajar; dan
- (e) menunjukkan kecemerlangan akademik dan rekod penerbitan berwibawa yang ditetapkan oleh Fakulti.

(2) Pemeriksa Luar bagi Pelajar program kedoktoran mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) Peraturan hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik yang dilantik oleh Dekan Fakulti dengan syarat—

- (a) sekurang-kurangnya merupakan seorang Profesor Madya;
- (b) memiliki Ijazah Kedoktoran dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan berkaitan bermula dari tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran;
- (c) mempunyai kelayakan akademik yang setara dan tidak lebih rendah daripada Penyelia Pelajar;
- (d) telah menghasilkan sekurang-kurangnya seorang graduan Doktor Falsafah; dan
- (e) menunjukkan kecemerlangan akademik dan rekod penerbitan berwibawa yang ditetapkan oleh Fakulti.

(3) Pakar bidang daripada industri atau institusi lain yang akan dilantik sebagai Pemeriksa Luar hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan—

- (a) sekurang-kurangnya lima tahun untuk pemeriksaan di peringkat Ijazah Sarjana; atau
- (b) lapan tahun untuk pemeriksaan di peringkat Ijazah Kedoktoran.

(4) Dekan Fakulti hendaklah melantik Pemeriksa Luar bagi Pelajar program sarjana mod pengajian di bawah perenggan 3(2)(c) serta program kedoktoran pakar di Fakulti Pergigian di bawah perenggan 3(1)(c) dan 3(2)(c) yang terdiri daripada kakitangan akademik atau pakar bidang yang diiktiraf sebagai doktor pakar dalam bidang berkaitan daripada universiti atau institusi.

(5) Mana-mana Pemeriksa Luar tidak boleh mempunyai apa-apa hubungan saudara dengan Penyelia dan Pelajar.

Pemeriksa Dalam

23. (1) Pemeriksa Dalam bagi Pelajar program sarjana dan Kedoktoran di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) Peraturan hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik Universiti dan dilantik oleh Dekan Fakulti.

(2) Syarat bagi kakitangan akademik yang dilantik di bawah subkaedah (1)—

(a) bagi Pelajar program sarjana hendaklah—

- (i) memiliki Ijazah Sarjana;
- (ii) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (iii) mempunyai kelayakan akademik yang setara dan tidak lebih rendah daripada Penyelia Pelajar dan berpengalaman dalam bidang penyelidikan yang berkaitan; dan
- (iv) telah menyelia mana-mana Pelajar pascasiswazah,

(b) bagi Pelajar program kedoktoran hendaklah—

- (i) memiliki Ijazah Kedoktoran;
- (ii) kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat; atau
- (iii) mempunyai kelayakan akademik yang setara dan tidak lebih rendah daripada Penyelia Pelajar; dan
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam bidang penyelidikan yang berkaitan bermula dari tarikh penerimaan Ijazah Kedoktoran; dan
- (v) telah menyelia mana-mana Pelajar pascasiswazah.

(3) Dekan Fakulti hendaklah melantik Pemeriksa Dalam bagi Pelajar program sarjana mod pengajian di bawah perenggan 3(2)(c) serta program kedoktoran pakar di Fakulti

Pergigian di bawah perenggan 3(1)(c) dan 3(2)(c) mengikut bidang kepakaran dan diiktiraf sebagai doktor pakar dalam bidang berkaitan.

(4) Mana-mana Pemeriksa Dalam tidak boleh mempunyai apa-apa hubungan saudara dengan Penyelia dan Pelajar.

Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah

24. (1) Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah bertanggungjawab untuk menimbang keputusan penilaian Pelajar pada setiap semester.

(2) Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah hendaklah terdiri daripada—

- (a) Dekan Fakulti sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Dekan Fakulti;
- (c) Penolong Dekan, jika berkenaan;
- (d) Ketua-ketua Jabatan atau Pengerusi Pusat, jika berkenaan;
- (e) Ketua atau Penyelaras program pascasiswazah, jika berkenaan;
- (f) tidak kurang daripada satu orang wakil ahli akademik Jabatan atau Pusat Pengajian; dan
- (g) Penolong Pendaftar Fakulti sebagai Setiausaha.

(3) Jika Dekan Fakulti tidak hadir dalam suatu mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah, mana-mana Timbalan Dekan Fakulti hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah sebagai pengerusi ganti.

(4) Korum mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya satu pertiga daripada ahli, termasuk orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.

(5) Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah bertanggungjawab untuk menentukan apa-apa status Pelajar dalam pengajian dan memperakukan kepada Senat Pelajar yang lulus dan layak dianugerahkan Ijazah.

(6) Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah, sekiranya difikirkan patut dan perlu,

boleh meminda tidak lebih dari satu tahap kenaikan gred bagi sebarang kursus dan pindaan tersebut adalah muktamad serta tidak boleh dipersoal oleh mana-mana orang, kecuali Senat.

Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi atau Tesis

25. (1) Jawatankuasa Peperiksaan Lisan bagi mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang pengerusi yang dilantik dalam kalangan kakitangan akademik Universiti yang berjawatan sekurang-kurangnya Profesor Madya; dan
- (b) sekurang-kurangnya satu orang Pemeriksa Dalam; atau
- (c) Dekan Fakulti atau wakilnya, jika perlu; atau
- (d) Pemeriksa Luar, jika berkenaan.

(2) Dekan Fakulti atau wakilnya hendaklah hadir sekiranya terdapat laporan pemeriksaan tesis Pelajar berstatus “lemah”.

(3) Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi atau Tesis—

- (a) hendaklah bertanggungjawab untuk memperaku keputusan peperiksaan lisan disertasi atau tesis Pelajar; dan
- (b) boleh memberi status tesis “Cemerlang” kepada Pelajar selepas peperiksaan lisan tertakluk kepada Pelajar memenuhi kriteria berikut:
 - (i) Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam memperaku melalui laporan bahawa tesis tersebut mencapai tahap cemerlang;
 - (ii) Pelajar memenuhi syarat penerbitan minimum yang ditetapkan dalam program; dan
 - (iii) Pelajar telah menyempurnakan dan menyerahkan disertasi atau tesis untuk pemeriksaan bagi menduduki peperiksaan lisan dalam tempoh seperti yang berikut:
 - (A) Pelajar kedoktoran, lapan semester untuk Pelajar sepenuh masa atau sepuluh semester untuk Pelajar separuh masa; atau
 - (B) Pelajar sarjana dengan mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a), enam semester untuk Pelajar sepenuh masa atau lapan semester untuk Pelajar separuh masa; dan

(iv) Pelajar membentangkan hasil kajian dengan baik semasa peperiksaan lisan.

(c) Walau apa pun, Jawatankuasa Peperiksaan Lisan boleh memperaku kepada Senat penganugerahan Ijazah Sarjana sebagai kelayakan keluar fleksibel kepada Pelajar program Kedoktoran di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan, yang tidak memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Kedoktoran tetapi telah mencapai tahap pencapaian yang setara dengan Hasil Pembelajaran Program Ijazah Sarjana yang berkaitan, berdasarkan penilaian Disertasi atau Tesis serta prestasi dalam peperiksaan lisan.

(4) Penyelia bagi mana-mana Pelajar boleh turut hadir sebagai pemerhati semasa peperiksaan lisan dan berperanan untuk mencatat atau mengambil perhatian terhadap cadangan Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi atau Tesis.

(5) Penyelia hendaklah memastikan Pelajar seliaannya membuat pembedulan dan penambahbaikan yang dinasihatkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi atau Tesis.

Penilaian kursus

26. (1) Setiap Pelajar akan dinilai pada setiap semester bagi semua kursus dan apa-apa penilaian yang ditetapkan oleh Fakulti termasuk penilaian akhir semester.

(2) Gred dan nilai gred untuk kerja kursus akan dinilai seperti yang berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Lulus dengan cemerlang
A-	3.67	Lulus dengan cemerlang
B+	3.33	Lulus dengan kepujian
B	3.00	Lulus dengan kepujian
B-	2.67	Lulus
C+	2.33	Lulus
C	2.00	Lulus
C-	1.67	Gagal
D	1.00	Gagal
E	0.00	Gagal

Gred	Nilai Gred	Taraf
L atau K TL U TD SM TP DK PC		Lulus atau Kandas Tidak Lengkap Audit Tarik Diri Sedang Maju Tangguh Peperiksaan Dikecualikan Pindah Kredit APEL.C

(3) Pelajar yang mengambil kursus yang mana keputusannya tidak dinilai melalui nilai gred akan dinilai berdasarkan penilaian seperti yang berikut:

- (a) “Lulus” atau “Kandas” iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya hanya diberi catatan “Lulus” atau “Kandas” sahaja;
- (b) “Tidak Lengkap” bagi Pelajar yang tidak dapat melengkapkan sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah dan Pelajar hendaklah melengkapkan keperluan kursus tidak lewat dari dua minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred;
- (c) “Sedang Maju” bagi Pelajar yang mengambil kursus yang mempunyai struktur kurikulum yang memerlukan tempoh melebihi satu semester untuk dilengkapkan bagi mendapat penilaian penuh dan gred. Nilai gred bagi kursus tersebut akan diambil kira bagi pengiraan jumlah kredit untuk keperluan pengijazahan termasuk pengiraan PNG dan PNGK selepas gred “Sedang Maju” digantikan dengan nilai gred;
- (d) “Audit” bagi Pelajar yang mendaftar, mengikuti kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus dan lulus peperiksaan kursus itu dan sekiranya gagal, Pelajar akan diberikan gred “Kandas”;
- (e) “Tarik Diri” bagi Pelajar yang menarik diri daripada suatu kursus di antara minggu kelima hingga minggu kesepuluh dalam mana-mana semester dengan kebenaran Dekan Fakulti;
- (f) “Tangguh Peperiksaan” bagi Pelajar yang memohon untuk menangguhkan penilaian akhir di bawah subkaedah 27(1) yang mana

Pelajar hendaklah menjalani peperiksaan gantian dengan segera bergantung kepada keadaan kesihatan Pelajar;

- (g) “Dikecualikan” bagi Pelajar yang diluluskan permohonan pengecualian kursus di bawah peraturan 22 Peraturan. Gred untuk kursus yang mendapat pengecualian tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred dan tidak akan menyebabkan Pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan.
- (h) “Pindah Kredit APEL.C” bagi Pelajar yang diluluskan pemindahan kredit melalui APEL.C. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK Pelajar.

(4) Pengiraan unit dan purata nilai gred adalah seperti yang berikut:

- (a) Kursus yang didaftarkan secara teras dan elektif akan diterima untuk pengiraan bagi memenuhi keperluan kredit;
- (b) Purata nilai gred akan ditentukan mengikut kaedah seperti yang berikut:
 - (i) Purata Nilai Gred Semester (PNGS) iaitu jumlah Nilai Gred (nilai gred $\times$ kredit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah kredit bagi semua kursus yang diikuti pada setiap satu semester;
 - (ii) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) iaitu jumlah Nilai Gred (nilai gred $\times$ kredit kursus) untuk semua kursus dibahagi dengan jumlah kredit bagi semua kursus dalam semua semester yang telah diikuti;
- (c) Formula pengiraan bagi Purata Nilai Gred adalah seperti berikut:

$$PNG = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

G_i : Nilai Gred Kursus ke i

U_i : Nilai Kredit Kursus ke i

n : Bilangan kursus yang telah diikuti

(5) Taraf pencapaian akademik Pelajar akan ditentukan mengikut PNGK pada satu tempoh pengajian dan ditentukan seperti yang berikut:

Purata Nilai Gred	Taraf Pencapaian	Kelayakan Meneruskan Pengajian	Kelayakan Pengurniaan Ijazah
$\text{PNGK} \geq 3.00$	Lulus	Layak	Layak
$\text{PNGK } 2.00 \text{ hingga } < 3.00$	Lulus Bersyarat	Layak Bersyarat	Tidak Layak
$\text{PNGK} < 2.00$	Gagal dan Diberhentikan	Tidak Layak	Tidak Layak

(6) Pelajar hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 untuk setiap semester dan lulus semua kursus yang ditetapkan oleh program;

(7) Pelajar yang tidak dapat mencapai PNGK seperti yang dinyatakan dalam subkaedah (6) akan diberi status “Lulus Bersyarat” pada semester berkenaan dan perlu meningkatkan prestasi kepada sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir semester berikutnya.

(8) Pelajar yang tidak dapat meningkatkan prestasinya seperti yang dinyatakan dalam subkaedah (7) dan mendapat status “Lulus Bersyarat” lebih dari satu semester sepanjang pengajian akan diberikan status “Gagal dan diberhentikan”.

(9) Pelajar yang memperoleh gred B- atau ke bawah boleh mengulang kursus bagi tujuan memperbaiki gred dan gred bagi keputusan peperiksaan yang terakhir sahaja akan diambil kira dalam PNGK manakala gred asal kursus berkenaan digugurkan.

(10) Pelajar di bawah perenggan 3(2)(b) Peraturan yang mendapat gred B- atau ke bawah hendaklah mengulang modul dan gred bagi keputusan peperiksaan yang terakhir sahaja diambil kira dalam PNGK manakala gred asal kursus berkenaan digugurkan.

(11) Pelajar bagi program di bawah perenggan 3(1)(c) dan perenggan 3(2)(a) Peraturan secara laluan APEL.Q dikecualikan daripada subkaedah (7) dan (8).

(12) Tiap-tiap Pelajar hendaklah mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00 pada akhir pengajian untuk diberikan status “Lulus dan Layak dikurniakan Ijazah”.

Penangguhan penilaian akhir

27. (1) Mana-mana Pelajar yang sakit atau menghadapi masalah kesihatan sewaktu penilaian akhir boleh memohon kepada Dekan Fakulti untuk penangguhan daripada menjalani penilaian akhir.

(2) Permohonan penangguhan penilaian akhir bagi mana-mana kursus hendaklah—

- (a) dibuat tidak lebih dari empat puluh lapan jam selepas penilaian akhir kursus itu diadakan; dan
- (b) disertakan dengan sijil sakit atau pengesahan daripada doktor yang merawat yang terdiri daripada pegawai perubatan Kerajaan atau Universiti; atau
- (c) sekiranya sijil sakit atau pengesahan daripada doktor yang merawat Perakuan daripada Pegawai Perubatan Hospital atau Klinik Swasta, Pelajar hendaklah mendapatkan pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan atau Universiti.

(3) Suatu permohonan penangguhan penilaian akhir atas alasan selain daripada kesihatan hendaklah disertakan dengan pembuktian atau dokumen sokongan mengikut kesesuaian kes bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan Dekan Fakulti.

(4) Walau apapun yang diperuntukkan dalam subkaedah (2), saudara kepada Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan kritikal semasa penilaian akhir boleh memohon penangguhan penilaian akhir bagi pihak Pelajar dengan menyertakan perakuan daripada Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan kepada Fakulti berkenaan selewat-lewatnya sebelum keputusan peperiksaan rasmi diumumkan.

Penilaian akhir gantian

28. (1) Tertakluk kepada kaedah 27, penilaian akhir gantian akan ditentukan mengikut kesesuaian kes tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Dekan Fakulti.

(2) Jika Pelajar tidak menduduki penilaian akhir gantian pada tarikh yang ditetapkan tanpa alasan munasabah, maka Pelajar hendaklah diberi gred yang bersesuaian mengikut keperluan kursus berkenaan.

(3) Sekiranya Pelajar masih gagal kursus tersebut selepas penilaian akhir gantian, Pelajar dikehendaki mendaftar semula kursus.

Peperiksaan semula

29. Apa-apa peperiksaan semula boleh diadakan bagi suatu kursus pada bila-bila masa sekiranya berlaku kebocoran soalan peperiksaan atau sebab lain yang difikirkan munasabah oleh Dekan Fakulti atau PTj Pengurus Akademik.

Peperiksaan ulangan khas

30. (1) Peperiksaan ulangan khas boleh diadakan bagi Pelajar semester akhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan pengijazahan dan kursus tersebut hendaklah pernah didaftar dan diikuti.

(2) Pelajar boleh memohon untuk menduduki peperiksaan ulangan khas terhadap satu kali sahaja dan permohonan tersebut hendaklah dalam tempoh empat minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

(3) Permohonan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan Fakulti dan disertakan dengan bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.

(4) Pelajar tidak boleh membuat permohonan peperiksaan ulangan khas bagi projek latihan ilmiah, latihan industri dan praktikum.

(5) Pengiraan gred bagi Pelajar yang dibenarkan menduduki peperiksaan ulangan khas hendaklah dikira dalam pengiraan PNG dan PNGK Pelajar yang mana kaedah penilaian perlulah mengambil kira sama ada keseluruhan penilaian dalam komponen kursus atau peperiksaan ulangan khas secara komprehensif meliputi keseluruhan silibus kursus.

(6) Sekiranya Pelajar masih gagal kursus tersebut selepas peperiksaan ulangan khas, Pelajar dikehendaki mendaftar semula kursus.

Peperiksaan komprehensif

31. (1) Pelajar peringkat sarjana dan kedoktoran hendaklah menduduki peperiksaan

komprehensif tertakluk kepada keperluan Pelajar untuk memenuhi syarat program.

(2) Sekiranya Pelajar gagal peperiksaan komprehensif tersebut, Pelajar hendaklah mendaftar semula kursus tersebut.

BAHAGIAN V

RAYUAN

Rayuan semakan semula keputusan penilaian akhir kursus

32. (1) Pelajar boleh membuat rayuan semakan semula keputusan penilaian akhir kursus yang diikuti secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat minggu dari tarikh penyiaran keputusan rasmi penilaian akhir kursus dikeluarkan.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), permohonan rayuan semakan semula bagi Pelajar program ODL hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh dua minggu dari tarikh penyiaran keputusan rasmi penilaian akhir kursus dikeluarkan.

(3) Setiap rayuan semakan semula yang dikemukakan hendaklah menyatakan maklumat kursus berserta bayaran yang ditetapkan oleh Universiti dan bayaran tidak boleh dituntut balik.

(4) Selepas Dekan Fakulti menerima permohonan rayuan semakan semula, Dekan Fakulti hendaklah menubuhkan suatu panel pemeriksa bagi menyemak permohonan semakan semula yang hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang kakitangan akademik Universiti selain pemeriksa asal.

(5) Keputusan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan untuk perakuan mesyuarat Fakulti dan dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan sekiranya berlaku perubahan gred Pelajar dan apa-apa keputusan semakan semula yang diluluskan oleh Senat adalah muktamad dan konklusif.

Rayuan semakan semula keputusan peperiksaan lisan disertasi atau tesis

33. (1) Mana-mana Pelajar boleh membuat rayuan semakan semula keputusan penilaian peperiksaan lisan disertasi atau tesis dan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan apa-apa dokumen sokongan yang ditetapkan oleh Fakulti dalam tempoh empat minggu selepas tarikh penyiaran keputusan rasmi dikeluarkan.

(2) Setiap rayuan semakan semula hendaklah disertakan dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan oleh Universiti dan bayaran berkenaan tidak boleh dituntut balik.

(3) Dekan Fakulti hendaklah menubuhkan panel pemeriksa rayuan semakan semula keputusan peperiksaan lisan disertasi atau tesis bagi menyemak permohonan semakan semula penilaian peperiksaan lisan disertasi atau tesis.

(4) Panel pemeriksa rayuan semakan semula keputusan peperiksaan lisan disertasi atau tesis hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Profesor sebagai Pengerusi;
- (b) dua orang Profesor atau Profesor Madya dalam bidang berkaitan;
- (c) seorang ahli akademik, jika perlu; dan
- (d) Penolong Pendaftar Fakulti sebagai setiausaha.

(5) Panel pemeriksa rayuan semakan semula keputusan peperiksaan lisan disertasi atau tesis boleh menjemput pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Lisan Disertasi atau Tesis atau wakilnya untuk turut hadir bagi menjelaskan berkenaan keputusan peperiksaan lisan terdahulu bagi Pelajar berkaitan.

(6) Keputusan panel pemeriksa rayuan semakan semula keputusan peperiksaan lisan disertasi atau tesis hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dan keputusannya tertakluk kepada pengesahan Senat.

(7) Keputusan semakan semula yang disahkan oleh Senat adalah muktamad dan konklusif.

Rayuan untuk meneruskan semula pengajian setelah “Gagal dan Diberhentikan”

34. (1) Pelajar di bawah perenggan 3(1)(c), 3(2)(a) dan 3(2)(b) Peraturan yang telah diberhentikan daripada pengajian dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan” boleh mengemukakan rayuan dan hendaklah—

- (a) menunjukkan peningkatan prestasi akademik dengan PNGK meningkat dan mencapai sekurang-kurangnya PNGK 2.90;

- (b) berkemampuan mengulang kursus untuk memperbaiki gred; dan
- (c) berkemampuan memperoleh PNGK 3.00 selepas mengulangi kursus yang berkenaan.

(2) Setiap permohonan rayuan di bawah subkaedah (1) hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat minggu dari tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dikeluarkan; dan

(3) Pelajar di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(2)(c) Peraturan yang diberhentikan daripada mengikuti program pengajian dan diberi status “Gagal dan Diberhentikan” boleh merayu untuk meneruskan pengajian tertakluk kepada—

- (a) persetujuan Penyelia Utama atau pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan dan perakuan Dekan Fakulti bagi Pelajar di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan; atau
- (b) perakuan Penyelia, penyelar program atau Ketua Program tertakluk kepada peningkatan prestasi akademik Pelajar yang diperakukan oleh Dekan Fakulti bagi Pelajar di bawah perenggan 3(2)(c) Peraturan.

(4) Setiap rayuan di bawah subkaedah (3) hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat minggu dari tarikh pengumuman rasmi keputusan dikeluarkan berdasarkan Laporan Kemajuan Calon.

(5) Setiap permohonan rayuan yang diterima di bawah kaedah 34 hendaklah—

- (a) diperakukan oleh mesyuarat Fakulti dan dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan yang mana keputusan tersebut adalah muktamad dan konklusif; dan
- (b) disertakan dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan yang mana bayaran tersebut tidak boleh dituntut balik.

Rayuan untuk meneruskan semula pengajian setelah “Diberhentikan sebab Tidak Mendaftar”

35. (1) Walau apa pun subkaedah 11(2), Pelajar boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Dekan Fakulti untuk meneruskan semula pengajian dengan syarat—

- (a) tidak melebihi dua semester berturut-turut;
- (b) dikenakan bayaran proses permohonan; dan
- (c) bayaran denda lewat mendaftar yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Tempoh tidak mendaftar di bawah subkaedah (1) akan dikira sebagai tempoh tangguh pengajian dan tertakluk kepada tempoh penangguhan yang dibenarkan oleh Dekan Fakulti.

(3) Tempoh tidak mendaftar tersebut tidak akan dikira sebagai sebahagian keperluan tempoh maksimum pengajian yang dibenarkan untuk mendapat sesuatu Ijazah.

BAHAGIAN VI

SYARAT PENGIJAZAHAN

Syarat keperluan Bahasa Melayu

36. (1) Pelajar antarabangsa hendaklah mengikuti kursus Bahasa Melayu sebagai kursus audit untuk layak dikurniakan ijazah sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Pelajar antarabangsa boleh memohon pengecualian tertakluk kepada syarat Pelajar—

- (a) telah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu yang setara;
- (b) telah mengambil dan melepasi tahap yang ditetapkan dalam ujian kecekapan Bahasa Melayu; atau
- (c) diberikan pengecualian syarat keperluan Bahasa Melayu oleh Senat atau mana-mana orang yang diwakilkan kuasa oleh Senat secara bertulis.

Syarat pengurniaan ijazah

37. (1) Pelajar di bawah perenggan 3(1)(a) Peraturan hendaklah—

- (a) memenuhi semua kehendak Kaedah dan Peraturan;
- (b) lulus pemeriksaan disertasi atau tesis dan peperiksaan lisan;

- (c) memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Fakulti;
- (d) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti;
- (e) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi Pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- (f) diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat;
- (g) telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
- (h) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Bagi Pelajar yang mengikuti mod pengajian di bawah perenggan 3(2)(a) dan 3(2)(b) Peraturan hendaklah—

- (a) memenuhi semua kehendak Kaedah dan Peraturan;
- (b) mencapai PNGK akhir sekurang-kurangnya 3.00;
- (c) menyempurnakan bilangan kredit seperti yang ditetapkan program;
- (d) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti;
- (e) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi Pelajar luar negara seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
- (f) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah untuk kelulusan Senat;
- (g) telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
- (h) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.

(3) Bagi Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 3(2)(c) Peraturan hendaklah—

- (a) memenuhi semua kehendak Kaedah dan Peraturan;
 - (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan oleh program;
 - (c) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi Pelajar antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (d) memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Fakulti;
 - (e) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Pascasiswazah untuk kelulusan Senat;
 - (f) telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
 - (g) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan oleh Universiti.
- (4) Bagi Pelajar yang mengikuti pengajian di bawah perenggan 3(1)(c) Peraturan hendaklah-
- (a) memenuhi semua kehendak Kaedah dan Peraturan;
 - (b) memenuhi keperluan komponen kursus dan komponen penyelidikan seperti yang ditetapkan program;
 - (c) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Fakulti;
 - (d) memenuhi syarat keperluan Bahasa Melayu bagi Pelajar antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Universiti;
 - (e) diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan untuk kelulusan Senat;
 - (f) telah memulangkan semua harta benda Universiti; dan
 - (g) telah melangsaikan hutang dan menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan kepada Universiti.
- (5) Sebarang pindaan maklumat pada skrol dan transkrip tidak dibenarkan selepas mendapat kelulusan Senat.

BAHAGIAN VII

AM

Penggantungan dan pemberhentian Pelajar

38. (1) Senat boleh mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan mana-mana Pelajar, sekiranya Pelajar—

- (a) dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal yang disahkan oleh pakar perubatan Universiti atau Kerajaan;
- (b) gagal mengekalkan prestasi akademik yang baik sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti;
- (c) melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah peraturan 4 hingga 6 Peraturan;
- (d) gagal mematuhi mana-mana bahagian dalam Kaedah dan Peraturan; dan
- (e) memberi maklumat palsu berkenaan dengan syarat kemasukan atau sepanjang tempoh pengajiannya bagi tujuan mendapatkan ijazah.

(2) Mana-mana Pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib adalah tertakluk kepada tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Kebangsaan Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024.

Kecualian dan peralihan

39. (1) Semua permohonan yang belum selesai bagi pendaftaran Pelajar yang dibuat di bawah apa-apa peraturan berhubung dengan pengajian pascasiswazah yang dibatalkan hendaklah, pada tarikh mula berkuatkuasanya Kaedah-Kaedah ini, diuruskan mengikut Kaedah-Kaedah ini seolah-olah permohonan itu dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apa-apa bayaran yang kena dibayar oleh Pelajar yang berhubung dengan pengajian pascasiswazah yang dikenakan di bawah apa-apa peraturan berhubung dengan pengajian pascasiswazah sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini dan dipungut selepas tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah dianggap telah dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(3) Apa-apa bayaran, fi atau yuran yang telah diputuskan sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah, apabila Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa, terus sah dan mengikat sehingga ia dibatalkan oleh Senat.

Dibuat

[No. Ruj PPA/ UKM.PUU.100-1/1/8]

Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia